

# Kemenangan cemerlang BN undi kepercayaan pada PM — Dr. Lucian

KUALA LUMPUR 19 Ogos — Seorang pakar dan cendekiawan politik Asia, Dr. Lucian W. Pye dari Amerika Syarikat hari ini menyifatkan kemenangan cemerlang Barisan Nasional dalam pilihanraya umum lalu sebagai undi kepercayaan kepada Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau yang juga profesor sains politik di Massachusetts Institute of Technology (MIT) sejak tahun 1972 juga menyifatkan kemenangan itu sebagai satu tamparan hebat untuk pergerakan fundamentalis Islam di negara ini khususnya PAS.

Dr. Pye adalah dalam rangka lawatan 10 hari ke negara-negara Asia terma-

suk Hong Kong, Jepun, Filipina, Malaysia dan Australia juga New Zealand.

Beliau juga berpendapat prestasi menurun MCA dalam pilihanraya umum 3 Ogos lalu adalah sudah dijangkakan berikutan dengan kekecohan dalam parti itu sendiri.

“Boleh dikatakan selepas berlakunya krisis dalam UMNO dan MCA, kemenangan besar Barisan Nasional dalam pilihanraya lalu membuktikan rakyat masih mahukan kepimpinan Dr. Mahathir,” ujar Dr. Pye yang juga Pengarah, Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Penyelidikan dan Kemajuan Persatuan Pengajian Asia.

Beliau yang juga mena-

hanraya - pilihanraya yang telah diadakan di Filipina, Jepun, Negeri Thai dan Malaysia dan bakal diadakan di Indonesia dan Korea Selatan berkata:

“Kalau kita analisa perkembangan menarik itu, ianya menunjukkan sudah ada satu kemajuan untuk mewujudkan satu sistem politik yang terbuka di negara-negara berkenaan.”

Jelasnya, politik pilihanraya sudah menjadi semacam satu norma dalam masyarakat Asia dan perkembangan ini mungkin tidak disedari ramai.

Menyentuh isu Kampuchea, Dr. Pye berkata Amerika Syarikat sepatutnya terhutang budi kepada ASEAN kerana sokongan kuat rantau itu terhadap isu

tersebut.

Jelasnya, ketegangan akan berlaku dalam politik Amerika Syarikat jika negara itu mengambil peranan utama dalam menyelesaikan isu Kampuchea.

Dr. Pye yang akan berlepas ke Manila hujung minggu ini juga menyentuh keadaan politik di Filipina dengan berkata tidak mungkin akan berlaku satu rampasan kuasa lagi.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar yang menyatakan satu rampasan kuasa akan berlaku di Filipina apabila Presidennya Corazon Aquino melakukan lawatan rasmi ke luar negeri, iaitu ke Singapura, Indonesia dan Amerika Syarikat.